

07 APR 2000

Mahathir-Cuba

DR MAHATHIR KETUAI DELEGASI KE SIDANG KEMUNCAK G77

KUALA LUMPUR, 7 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengetuai delegasi Malaysia ke Sidang Kemuncak Kumpulan Negara Membangun (G77) dan China di Havana, Cuba dari 12 hingga 17 April.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata sidang kemuncak itu akan menangani isu-isu globalisasi, hubungan Utara-Selatan, Kerjasama Selatan-Selatan, Pengetahuan dan Teknologi.

Sidang kemuncak yang julung-julung kali diadakan itu akan didahului oleh mesyuarat pegawai kanan pada 10 April diikuti oleh mesyuarat menteri luar pada hari berikut, kata beliau pada persidangan media di sini hari ini.

Syed Hamid, yang juga seorang daripada anggota delegasi berkata Sidang kemuncak itu akan memberi peluang kepada Malaysia untuk bertukar-tukar pandangan dengan negara anggota yang lain demi kepentingan bersama.

"Malaysia juga dapat menjelaskan pendiriannya mengenai beberapa isu antarabangsa terutama reformasi sistem kewangan antarabangsa, globalisasi dan liberalisasi," kata beliau.

Menurut beliau, pada sidang kemuncak itu, Malaysia akan menggesa supaya ditingkatkan kerjasama bagi memperkukuhkan kuasa perundingan Kumpulan 777 dalam dialog dengan negara maju.

Syed Hamid berkata Dr Mahathir akan berucap pada sidang kemuncak itu dan antara isu yang akan dibangkitkannya ialah globalisasi dan kemajuan teknologi.

Beliau berkata sidang kemuncak itu juga dijangka membincangkan persiapan bagi sesi ke-55 Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu dan Sidang Kemuncak Alaf yang akan diadakan pada September.

Sidang Kemuncak itu, yang dianggap sebagai perhimpunan paling ramai Ketua Negara dan Ketua Kerajaan dari 133 negara membangun dijangka berakhir dengan pengisytiharan Deklarasi dan Program Tindakan.

Mengenai penyertaan China, Syed Hamid berkata China ialah sebuah negara yang besar dan ia tidak boleh diketepikan berikutan kemunculan orde baru dunia.

"Malaysia ialah negara yang tidak mahu melihat berakhirnya Perang Dingin dengan kemunculan dunia unipolar tetapi dunia memerlukan multipolar yang membolehkan semua negara bekerjasama untuk menjadikan negara lebih saksama kerana jika tidak kita akan menayksikan negara-negara membangun cuma menerima keburukan," kata beliau.

-- BERNAMA

ARA FAZ